

**MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG**

ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR, 5 Jun 1993

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah,
Tuanku,

Dengan hormat dan penuh takzimnya pihak Kerajaan dan seluruh rakyat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Tuanku hari ini. Rakyat sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga Tuanku serta Tuanku Bainun dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayah-Nya, mudah-mudahan Tuanku berdua berada dalam keadaan sihat dengan penuh kesejahteraan dan kedaulatan.

Tuanku,

2. Syukur alhamdulillah kerana dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala negara terus berada dalam keadaan aman dan makmur. Suasana aman damai ini wujud hasil daripada kerjasama rakyat berbilang kaum. Setelah begitu lama tinggal bersama, rakyat sedar akan pentingnya perpaduan dan keharmonian kaum. Kunci utama terhadap perpaduan dan keharmonian kaum ini ialah keinginan rakyat untuk sentiasa hidup aman damai dan bebas daripada segala rusuhan. Peristiwa-peristiwa persengketaan kaum dan agama di luar negeri juga telah memberi iktibar kepada rakyat negara ini tentang pentingnya penduduk berbilang kaum bersatupadu dan bekerjasama antara satu sama lain. Peristiwa-peristiwa ini diyakini telah menguatkan keazaman rakyat negara ini untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di kalangan mereka. Ini sudah tentu akan mengukuhkan kestabilan politik negara ini dan dengan itu membolehkan Kerajaan menumpukan usaha terhadap pembangunan.

3. Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana di samping mempunyai kestabilan, ekonomi negara terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Walaupun kadar pertumbuhan dijangka kurang sedikit pada tahun ini berbanding dengan tahun lalu, ianya masih tinggi. Lebih menggalakkan ialah pertumbuhan tinggi ini disertai dengan kadar inflasi yang rendah. Ini telah membolehkan rakyat terus menikmati taraf hidup yang lebih baik. Kerajaan pula telah dapat meneruskan usaha-usaha pembangunan yang lebih pesat bagi faedah rakyat. Kejayaan kita menguruskan ekonomi dengan baik adalah hasil kerjasama yang rapat antara Kerajaan, rakyat dan pihak swasta.

4. Kerajaan sedar bahawa banyak lagi usaha yang perlu dijalankan untuk memastikan negara akan terus maju dan makmur. Ke arah ini, Kerajaan telah menggariskan dasar-dasar dan arah pembangunan sektor-sektor penting seperti pembangunan

perindustrian, pertanian, pelancongan, alam sekitar serta sains dan teknologi.

5. Sementara kita boleh berbangga dengan kejayaan ekonomi negara, kita tidak harus leka dan berpuas hati. Tanggungjawab menentukan ekonomi terus berkembang adalah tanggungjawab semua pihak.

6. Di samping itu, semua pihak harus memainkan peranan yang berkesan untuk terus mengawal inflasi. Kerajaan khawatir jika inflasi ini tidak dikawal ianya akan memberi kesan negatif kepada negara. Rakyat boleh memainkan peranan dengan berjimat-cermat dan berhati-hati apabila berbelanja. Di samping mengurangkan penggunaan yang berlebihan, rakyat juga perlu meningkatkan lagi kadar simpanan mereka. Para pekerja kita juga boleh membantu dengan tidak menuntut kenaikan gaji yang berlebihan. Sebarang kenaikan gaji yang tidak selaras dengan peningkatan produktiviti dan kecekapan akan menyebabkan inflasi yang mana ini akan mensia-siakan sahaja pendapatan yang bertambah.

7. Di pihak Kerajaan, sukacita dinyatakan bahawa langkah-langkah yang sesuai telah pun diambil untuk memastikan inflasi terus terkawal. Kerajaan juga akan meneruskan dasar-dasarnya untuk mengurangkan perbelanjaan dan berjimat cermat selaras dengan hasil pendapatan negara.

Tuanku,

8. Kerajaan juga akan terus mengamalkan dasar pelaburan yang liberal untuk menggalakkan pelaburan, terutama pelaburan asing. Dalam hal ini, Kerajaan akan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan. Usaha-usaha juga akan diteruskan untuk meningkatkan lagi keupayaan pekerja kita daripada segi produktiviti, kecekapan dan daya saingan. 'Competitive edge' yang ada pada negara hanyalah kos pekerja yang rendah berbanding dengan negara-negara maju. Dengan tidak mempunyai teknologi sendiri, modal dan pasaran dalaman yang mewah, kenaikan kos pekerja akan menghapuskan 'competitive edge' kita. Justeru itu, adalah penting pekerja tidak dihasut oleh kesatuan-kesatuan sekerja asing supaya menuntut upahan yang berlebihan.

9. Sebagaimana termaklum, langkah menggalakkan pelancongan juga merupakan salah satu strategi untuk menambahkan pendapatan negara. Di dalam Rancangan Malaysia Keenam, teras pembangunan pelancongan adalah dengan tujuan memperluas dan mempelbagaikan aktiviti serta asas pelancongan. Ini kerana pelancongan dijangka dapat mewujudkan lebih banyak lagi pekerjaan, pendapatan, nilai ditambah serta perwujudan berbagai-bagai rangkaian dengan sektor-sektor lain dalam

pembangunan ekonomi negara. Kerajaan telah pun menetapkan tahun 1994 sebagai Tahun Melawat Malaysia dan persiapan-persiapan telah dibuat bagi maksud menarik lebih ramai pelancong ke sini.

10. Tahun 1993 merupakan tahun yang penting bagi negara menggerakkan usahanya ke arah mencapai cita-cita menjadi negara maju. Cita-cita ini boleh dicapai jika semua pihak -- Kerajaan, rakyat dan pihak swasta -- berganding bahu dan bekerjasama rapat. Faktor utama yang perlu ditekankan adalah sikap yang komited terhadap keinginan untuk memajukan negara. Selain daripada itu, kita juga perlu menanam sikap rajin berusaha, mempunyai disiplin yang tinggi serta mempunyai dedikasi terhadap kerja.

11. Pihak Kerajaan berasa bangga bahawa Tuanku menitikberatkan soal perjalanan jentera Kerajaan dan mengambil berat mengenai kebajikan rakyat. Kesediaan Tuanku menghadiri dan mendengar taklimat-taklimat yang dibuat oleh jabatan-jabatan Kerajaan memperlihatkan kesungguhan Tuanku untuk mengetahui dengan mendalam selok-belok dan dasar-dasar Kerajaan. Kerajaan dan negara juga menghargai minat Tuanku mengambil berat mengenai hubungan antarabangsa. Dalam hal ini, lawatan-lawatan Tuanku ke luar negeri telah membantu Malaysia menjalin hubungan yang rapat dengan dunia luar. Di sini pihak Kerajaan ingin menyatakan bahawa Malaysia akan sentiasa memainkan peranan yang cergas di peringkat antarabangsa tanpa segan dan takut.

12. Kerajaan sedar bahawa pentadbiran yang cekap dan produktif adalah penting untuk menjamin negara akan terus maju dan makmur. Dalam hal ini, Kerajaan melalui kakitangannya akan berusaha dengan sepenuhnya untuk mencapai mutu kerja yang lebih cemerlang.

Tuanku,

13. Pada hari yang mulia dan penuh dengan adat istiadat ini, Kerajaan dan rakyat dengan penuh hormat dan takzimnya menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah.